



13 Ogos 2014
13 August 2014
P.U. (A) 235

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 2014

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 3) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2014.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan (6), dengan memasukkan selepas proviso (xii) proviso yang berikut:

“(xiii) di Nilai Inland Port, waktu-waktu itu adalah—
24 jam pada mana-mana hari.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian VI di bawah kepala “DEPOT PELEPASAN PEDALAMAN” dengan menggantikan perkataan “Seremban” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

“Nilai	Nilai Inland Port,	Semua barang.”
	Lot 648, 578, 1270, 1271, 576,	
	575, 574-576 dan 3720,	
	Mukim Setul,	
	71800 Nilai, Negeri Sembilan	